

Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Kod Dan Nama Program	A017-001-3:2017 OPERASI PENGELUARAN TANAMAN	Sasaran	2 PKKS DEDIKASI 2 PKKS INOVASI
Tarikh	16 Jun 2021	Masa	9.00 – 10.00 pagi
No Dan Tajuk Unit Kompetensi	A017-001-3:2017-C03 OPERASI PENANAMAN BAHAN TANAMAN		
Pernyataan Aktiviti Kerja	1. Semai Biji Benih Secara Terus		
Tujuan	Kertas Penerangan adalah bertujuan untuk menerangkan mengenai kaedah semaian biji benih secara terus mengikut amalan pertanian baik (APB) secara cekap dan kondusif.		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Menyatakan tujuan pemilihan biji benih 2. Menyenaraikan 2 kaedah penanaman biji benih 3. Mengisi 4 dari 7 tempat kosong dengan betul		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk kertas penerangan yang diberikan untuk memudahkan pemahaman .Membaca kertas penerangan terlebih dahulu Nyatakan tujuan pemilihan biji benih Menyenaraikan 2 kaedah penanaman biji benih Lembaran kerja mengisi tempat kosong Murid-murid diminta untuk menjawab soalan melalui soalan interaktif di Liveworksheet .		
Latihan	Sila jawab soalan interatif yang diberikan Screenshot jawapan yang telah siap kepada guru (jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan		

KOD DAN NAMA PROGRAM	A017-001-3:2017 OPERASI PENGELUARAN TANAMAN
TAHAP	3
NO DAN TAJUK UNIT KOMPETENSI	A017-001-3:2017-C03 OPERASI PENANAMAN BAHAN TANAMAN
NO DAN PERNYATAAN AKTIVITI KERJA	1. SEMAI BIJI BENIH SECARA TERUS 2. TANAM ANAK POKOK 3. SULAM ANAK POKOK TANAMAN 4. BUAT PENJARANGAN ANAK TANAMAN

TAJUK :

PENYEMAIAN BIJI BENIH TANAMAN

TUJUAN/PURPOSE :

Kertas Penerangan adalah bertujuan untuk menerangkan mengenai kaedah semaian bijih benih secara terus mengikut amalan pertanian baik (APB) secara cekap dan kondusif.

PENERANGAN:

1. PEMILIHAN BIJI BENIH

1.1 Tujuan pemilihan biji benih

Tujuan pemilihan bijih benih dilakukan supaya dapat menentukan kualiti bijih benih mengikut saiz, warna dan bentuk tanaman. Setiap tanaman mempunyai saiz, warna dan bentuk yang tersendiri mengikut jenis tanaman.

1.2 Jenis-jenis biji benih

i. Pokok Durian

Jarak Tanaman ; 10 x 10 meter

Sistem penanaman : Segiempat sama

Keluasan tanah ; 1 hektar (10,000 m)

Formula :

$$\frac{\text{Luas kawasan}}{\text{Jarak tanaman}} \times \text{Angkat tetap (Sistem tanaman)}$$

* Angka tetap - sistem tanaman empatsegi - 1.0
- sistem tanaman segitiga - 1.15

Maklumat asas :

Anak benih Durian D197

Jarak tanaman yangt disyorkan ialah 10 x 10 m

Sistem tanaman - Segiempat sama

Keluasan tanah 1 hektar

$$\frac{10,000}{10\text{m} \times 10\text{m}} \times 1.0$$

$$10\text{m} \times 10\text{m}$$

= **100 pokok/hektar (jumlah pokok yang diperlu ditanam)**



1.3 Ciri-ciri biji benih


Ciri-ciri biji benih yang diperlukan adalah matang dan cukup umur. Ini penting kerana pemilihan biji benih yang kurang matang dan belum cukup umur akan menyebabkan tanaman tidak subur dan berkemungkinan tanaman tidak boleh tahan lama dan mungkin akan mati

1.4 Kuantiti pemilihan biji benih

Kuantiti yang diperlukan adalah mengikut kesesuaian keluasan ladang atau kawasan tanaman.

1.5 Sistem penanaman biji benih





1.6 Kaedah penanaman biji benih

i. Konvensional

Kawalan sepenuhnya keatas tanaman, Tanaman ditanam dengan kepadatan yang tinggi. Kadar penggunaan baja yang lebih kecil kerana baja tidak di larutresap dan tanaman lebih cepat matang.

ii. *Hydroponic*

Kaedah penanaman yang tidak menggunakan tanah dan pokok dapat makanan dari larutan baja khas. Perlu ditanam dibawah lindungan hujan dan kalis serangga.

SOALAN :

1. Apakah tujuan pemilihan bijih benih dilakukan?

2. Nyatakan 2 kaedah penanaman bijih benih?

- a) _____
- b) _____

3. Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai

a) Ciri-ciri biji benih yang diperlukan adalah _____ dan _____.

Ini penting kerana pemilihan biji benih yang kurang matang dan belum cukup umur akan menyebabkan tanaman _____ dan berkemungkinan tanaman tidak boleh tahan _____ dan mungkin akan _____.

b) Kuantiti yang diperlukan adalah mengikut _____ keluasan ladang atau _____ tanaman.

'Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi.

Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya.....**TANIAH**

